

MOT BULETIN



Kementerian Pengangkutan
Malaysia

Edisi Khas Tahun Baru



Amanat Tahun Baru

Disampaikan oleh
YB Dato' Sri Liow Tiong Lai
Menteri Pengangkutan Malaysia

2018 Tahun Penuh Cabaran bagi MOT

Tahun 2018 akan menjadi satu tahun yang lebih mencabar kepada negara terutama bagi Kementerian Pengangkutan. Namun begitu, cabaran-cabaran mendatang ini dilihat sebagai pemangkin dalam aspirasi MOT untuk memberikan perkhidmatan yang lebih unggul dan efisien kepada masyarakat umum.

Kita dapat lihat sekian banyak projek dan inisiatif penyampaian perkhidmatan telah berjaya MOT laksanakan sepanjang tahun lalu. Misalnya, fasiliti Park n Ride di Salak Tinggi, program Hentian Akhir Bandar (HAB), projek pembesaran apron dan penaiktarafan lapangan terbang Miri, Kuantan dan Sandakan serta penaiktarafan rumah api di Sabah.


Selain itu, tahun 2017 juga merupakan satu tahun yang rancak bagi pelbagai projek infrastruktur pengangkutan untuk kepentingan masa hadapan yang telah mula dilaksanakan dan sebahagian daripadanya telah pun memulakan operasi.

Bagi memastikan kelangsungan transformasi pengangkutan awam dalam negara, Kerajaan di dalam Bajet 2018 telah memperuntukkan sebanyak RM2.97 billion kepada Kementerian Pengangkutan bagi melaksanakan hampir 46 projek-projek pembangunan.

Pada tahun ini juga Jabatan Penerbangan Awam (DCA) akan beralih menjadi sebuah badan berkanun dan akan dikenali sebagai Lembaga Penerbangan Awam Malaysia (CAAM). Selain daripada itu, Kementerian Pengangkutan akan merangka struktur Lembaga Keselamatan Pengangkutan Malaysia (MTSB) dalam tahun 2018 supaya dapat beroperasi dengan segera.

Oleh itu, MOT diseru untuk berganding bahu bagi meningkatkan prestasi dan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

#Info Psikologi



MOT di persada antarabangsa



Malaysia telah berjaya dipilih semula untuk menduduki kerusi Ahli Majlis International Maritime Organisation (IMO) Kategori C untuk tempoh 2018-2019 bagi penggal ketujuh berturut-turut semasa sesi pemilihan yang diadakan sempena Persidangan Agung IMO di Ibu Pejabat IMO, London pada 1 Disember 2017.

Semasa sesi pemilihan tersebut, Malaysia telah berjaya meraih sebanyak 131 undi dari kalangan 24 buah negara yang turut bertanding dalam Kategori C.

Kejayaan Malaysia semasa sesi pemilihan tersebut merupakan pengiktirafan negara-negara ahli IMO akan sumbangan dan kepentingan Malaysia di IMO dan dalam sektor maritim antarabangsa. Kejayaan ini juga merupakan hasil kerjasama dan sokongan daripada setiap agensi di bawah Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Luar Negeri dalam memastikan Malaysia mengekalkan kedudukannya sebagai Ahli Majlis IMO.

IMO merupakan sebuah pertubuhan khusus yang ditubuhkan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan bertanggungjawab terhadap hal-hal berkaitan keselamatan kapal, keselamatan pelayaran dan pencegahan serta pengawalan pencemaran laut yang dihasilkan dari aktiviti perkapalan. Perhimpunan Agung IMO diadakan setiap dua tahun sekali dan pemilihan Ahli Majlis IMO turut diadakan semasa perhimpunan tersebut.

Sebagai ahli Majlis IMO, Malaysia akan menekankan peri pentingnya pembangunan sumber manusia di kalangan negara-negara membangun bagi memastikan bahawa semua negara ahli IMO dapat melaksanakan obligasi mereka serta mengaplikasikan konvensyen-konvensyen IMO yang diterima pakai. Sebelum ini, Malaysia telah melaksanakan beberapa program pembangunan sumber manusia bagi rantau Afrika, Amerika Latin dan negara-negara dari kepulauan kecil. Malaysia juga telah memberikan sumbangan kewangan kepada World Maritime University, Sweden serta International Maritime Law Institute, Malta bagi meningkatkan fasiliti dan kelengkapan institusi latihan tersebut.

Malaysia buat julung kalinya telah dipilih sebagai hos kepada kongres berprestij FIATA World Congress bagi kali ke-56 yang telah berlangsung di Kuala Lumpur pada 4 hingga 8 Oktober 2017 yang lalu yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Pengangkutan Malaysia.


FIATA merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang mewakili industri logistik di seluruh dunia. Kongres yang merupakan acara terpenting dan paling berpengaruh dalam industry logistik dunia ini telah menyaksikan kehadiran lebih 1,000 delegasi daripada 77 buah negara.

Ini selaras dengan penubuhan Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) dan pelaksanaan Pelan Induk Fasilitasi Logistik & Perdagangan pada tahun 2015 yang mensasarkan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu dalam industry logistik, dalam usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan, bagi memperhebat pertumbuhan ekonomi.

Penganjuran ini bukan sahaja satu pengiktirafan industry logistik dunia terhadap kemampuan Malaysia, malah ianya juga mampu meletakkan Malaysia selaku hab logistik di rantau ASEAN dan seterusnya Gerbang Pilihan ke Asia.



MRT



Mass Rapid Transit, atau lebih dikenali sebagai MRT merupakan sistem transit aliran massa 3 jajaran di kawasan Greater KL. Selain melengkapi jaringan rel di Lembah Klang, ianya juga mengintegrasikan jaringan rel sedia ada dalam usaha meredakan masalah kesesakan lalu lintas di Greater KL. MRT1 sepanjang 51km yang menghubungkan Sungai Buloh dengan Kajang telah beroperasi sepenuhnya pada 17 Julai 2017 dengan 31 stesen (7 daripadanya terletak di sepanjang 9.5km terowong bawah tanah) dengan kekerapan 3.5 minit pada waktu puncak dengan kelajuan purata 40km/j (kelajuan maksima 98km/j). Tren MRT yang dikenali sebagai "The Guiding Light" merupakan tren 4 set yang mampu memuatkan 1,200 penumpang pada satu-satu masa. Tren ini direka oleh anak syarikat BMW iaitu DesignworksUSA dan dijuruterakan oleh Siemens yang dipasang di depoh di Rasa, Hulu Selangor.

Projek #InfraRakyat

Park N Ride

Sektor Darat

Pembinaan Park & Ride Facilities



Kemudahan

Park & Ride	Park & Ride	Park & Ride	Park & Ride	Park & Ride	Park & Ride	Park & Ride
UKM	Risak	Taman Jaya	Paramount	Bahagia Fasa 2	Bahagia Fasa 3	Salak Tinggi
140	140	194	345	224	504	1041
unit parkir	unit parkir	unit parkir	unit parkir	unit parkir	unit parkir	unit parkir
TERMASUK	TERMASUK	TERMASUK	TERMASUK	TERMASUK	TERMASUK	TERMASUK
04P	06P	05P	12P	229P	12P	229P
unit parkir	unit parkir	unit parkir	unit parkir	unit parkir	unit parkir	unit parkir
OKU	OKU	OKU	OKU	OKU	OKU	OKU

Dalam merealisasikan inisiatif first mile connectivity, Kementerian Pengangkutan telah membina beberapa Park n Ride di sepanjang laluan strategik jajaran pengangkutan awam di kawasan Greater KL bagi tujuan menggalakkan dan meningkatkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam di kalangan orang awam. Park n Ride terbaru yang telah siap sepenuhnya pada tahun 2017 ialah Park n Ride Salak Tinggi yang dilengkapi dengan lebih daripada 1,000 lot parkir. Selain daripada Salak Tinggi, kementerian sedang membina 2 lagi kemudahan ini di samping telah berjaya menyiapkan 6 Park n Ride di sekitar kawasan Lembah Klang dalam tahun 2016 dengan jumlah keseluruhan lot parkir sebanyak lebih dari 4,000.

Hentian Akhir Bandar (HAB)

Hentian Akhir Bandar (HAB)

di Seksyen 19, Petaling Jaya, Selangor

Dengan Ciri-Ciri Keselamatan dan Keselesaan

- Ruang menunggu bas
- Surau
- Tandas
- Laluan pejalan kaki di kawasan sekitar
- Laluan pejalan kaki berbumbung
- Lintasan pejalan kaki ke bangunan HAB

Hentian Akhir Bandar (HAB) menyediakan kemudahan pengangkutan awam serba moden kepada warga kota menerusi integrasi tersusun antara bas henti-henti dengan perkhidmatan mod pengangkutan awam yang lain seperti komuter, LRT dan MRT. HAB direka bentuk secara unik dengan ciri-ciri keselamatan dan keselesaan bagi mempengaruhi pengguna-pengguna kenderaan persendirian untuk bertukar menggunakan pengangkutan awam. Ianya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan termasuk kawasan menunggu bas berbumbung yang selesa, petak bas yang mencukupi, kemudahan tandas, surau serta kaunter maklumat.